

TRITUNGGAL MAHAKUDUS / MINGGU TRITUNGGAL (C)

Amsal 8:22-31; Mazmur 8:4-9. R/ v. 2; Roma 5:1-5
Yohanes 16:12-15

Tema: **TRITUNGGAL MAHAKUDUS: MISTERI KASIH ALLAH DALAM PENCIPTAAN, PENYELAMATAN DAN PENGUSUCIAN!**

1. Hari ini kita merayakan TRITUNGGAL MAHAKUDUS! Hari ini kita juga merayakan pesta hari paroki kita, iaitu, hari perayaan Gereja Katolik Holy Trinity, Tawau! TRITUNGGAL MAHAKUDUS adalah misteri cinta kasih Allah di dalam Penciptaan, Penyelamatan dan Pengusucian, iaitu, Allah Bapa Mencipta oleh kasih, Allah Putera Menyelamat oleh kasih dan Allah Roh Kudus Menyucikan oleh kasih!

Orang dari agama lain bertanya kepada kita: Mengapa kita percaya dalam tiga Tuhan? Bagaimana Allah menjadi manusia? Bagaimana Allah boleh mati? Bagaimana Allah menjadi makanan untuk manusia? Bagaimana Allah menjadi makanan bagi orang-orang berdosa?

Untuk memulakannya, kita tidak percaya dalam tiga Allah, kita percaya dalam satu Allah, tetapi kita percaya dalam Allah cinta kasih, pengasih, pengampunan dan penyelamatan; kita tidak percaya dalam Allah yang ada hukum, keadilan, penghakiman dan penghukuman!

Kita percaya bahawa Allah mencipta dunia oleh kerana kasih, tetapi apabila kita berdosa, Allah lebih lagi mengasih kita; Allah menjadi manusia untuk menyelamatkan kita, tetapi apabila kita menyalib-Nya di atas kayu salib, Dia mengasih kita lebih lagi; Dia bangkit dari kematian dan memberi kita Roh Kudus! Roh Kudus tinggal bersama kita, di dalam dan sekitar kita, lebih dekat kepada kita daripada kita dengan diri sendiri, mengasih kita lebih dari kita mengasih diri kita sendiri (Santo Agustinus)!

Dan Roh Kudus akan lebih mengasih sampai kita mengasih Allah, mengasih jiran kita dan mengasih diri sendiri! Kemudian tiba akhir dunia, iaitu, akhirnya dunia kejahatan, kedatangan kedua kalinya Yesus Kristus! Dan Yesus Kristus akan membawa kita ke syurga untuk berkongsi dalam kehidupan kasih dan kebahagiaan Tritunggal Mahakudus!

Kita percaya bahawa Roh Kudus ada di dalam Gereja, terutama dalam Sakramen-sakramen, dan khususnya dalam Sakramen segala sakramen, iaitu, Ekaristi Kudus / Misa Kudus! Sebab apabila kita merayakan Ekaristi Kudus, kita merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan pencurahan Roh Kudus untuk Penyelamatan dunia! Kita membuatnya hadir, benar dan berkesan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan pencurahan Roh Kudus untuk Penyelamatan dunia!

Dan bila kita makan tubuh Kristus dan minum darah-Nya, kita makan tubuh Tuhan yang Bangkit yang dapat menembusi pintu yang berkunci dan berada di mana-mana tempat pada saat itu – tidak terbatas oleh masa dan ruang! Dan Tuhan yang Bangkitlah yang telah memberi Roh Kudus untuk penyelamatan kita!

Itulah sebabnya mengapa segera selepas konsekrasi Paderi akan mengatakan: "**Misteri Iman**" dan kita menyahut "**Setiap kali kita makan roti ini dan minum dari cawan ini, kita memberitakan kematian Tuhan, sehingga Dia datang**"

Aklamasi ini diambil dari 1 Korintus 11:23 – 26. Ia adalah tulisan teks yang paling lama untuk institusi Ekaristi, lebih kuno lagi dari catatan Injil mengenai Institusi Ekaristi! "**Setiap kali kamu makan roti ini dan minum dari cawan ini, kamu memberitakan kematian Tuhan, sehingga Dia datang**" (1 Kor 11:23 – 26; NJB). Iaitu, Setiap kali kita makan Roti dan minum dari Cawan ini, kita mewartakan Kematian Tuhan yang **menyelamatkan** sehingga Dia datang lagi **bilamana semua akan diselamatkan!**

Marilah kita datang ke Misa Kudus setiap hari Minggu dan kita minta anak-anak kita, cucu-cucu, anak tanggungan kita, ibubapa, penanggung, saudara mara, jiran-jiran, kawan-kawan sekolah, sahabat

kerja, dll., supaya datang ke Misa Kudus pada setiap hari Minggu! Itu adalah aksi cinta kasih yang dapat kita lakukan untuk mereka!

2. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita mengenai Tritunggal Mahakudus, iaitu, Allah Bapa, Allah Putera dan Allah Roh Kudus!

(i) Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Allah Bapa mencipta alam semesta, iaitu, matahari, bulan, bintang-bintang dan bumi, bukit-bukit, gunung-gunung, sungai, lautan, dll., tetapi yang lebih penting, bacaan pertama memberitahu kita bahawa Allah Bapa tidak mencipta dengan sembarangan, tetapi Dia mencipta alam semesta menurut rencana-Nya, iaitu, menurut Yesus Kristus, Kebijaksanaan Allah! (CSB) Segala-galanya dicipta dalam Dia, bersama Dia, melalui Dia dan untuk Dia! Yesus Kristus adalah Alpha dan Omega penciptaan, iaitu, yang mula dan akhir penciptaan! Penciptaan mempunyai tujuan, ada maksud dan hala tuju, iaitu Yesus Kristus!

(ii) Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Mazmur antarbacaan juga memberitahu kita bahawa Allah Bapa mencipta seluruh alam semesta! Itulah sebabnya mengapa kita menyahut empat kali:

"Tuhan Allah kami, betapa mulia nama-Mu di seluruh bumi." (Mzm 8:2; SM)

Yang Lebih penting, mazmur yang bertanggung jawab itu memberitahu kita bahawa makhluk manusia adalah titik puncak penciptaan Allah dan manusia adalah yang menjadi penjaga kepada ciptaan Allah!

(iii) Bacaan kedua memberitahu kita bahawa kita diselamatkan oleh iman dalam Yesus Kristus dan Yesus Kristus melalui kematian dan kebangkitan-Nya memberi kita Roh Kudus:

"Kita yang dibenarkan karena iman kita hidup dalam damai sejahtera dengan Allah oleh karena Tuhan kita, Yesus Kristus. Oleh Dia kita juga beroleh jalan masuk oleh iman kepada kasih karunia ini. Di dalam kasih karunia ini kita berdiri dan kita bermugah dalam pengharapan akan menerima kemuliaan-Allah....Dan pengharapan tidak mengecewakan, karena Allah telah mencurahkan cinta kasih-Nya ke dalam hati kita berkat Roh Kudus yang dianugerahkan kepada kita!" (Rm: 1-2.5; SM)

(iv) Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus Kristus akan memberi kita Roh Kudus dan Roh Kudus akan memberitahu kepada kita seluruh kebenaran dan memberitahu kita apa yang akan datang, iaitu, apa yang akan datang selepas kematian dan kebangkitan Yesus (NJB):

"Tetapi apabila Ia datang, iaitu Roh Kebenaran, Ia akan memimpin kamu ke dalam seluruh kebenaran,...dan Ia akan memberitakannya kepadamu hal-hal yang akan datang." (Yoh 16:13; SM)

Injil juga memberitahu kita bahawa Persona Tritunggal adalah sebenarnya satu Allah! Dengan itu judul halaman Injil adalah:

"Segala milik Bapa adalah milik-Ku. Roh Kudus akanewartakan kepadamu apa yang diterima-Nya daripada-ku." (cf. Yoh. 16:15; Sunday Missal (SM))

3. Hari ini kita bersyukur kepada Allah atas kasih-Nya dalam penciptaan, dalam penyelamatan dan dalam pembersihan, dan kita mohon kepada Allah untuk terus menguduskan kita dengan kasih-Nya, supaya kita dapat mengasihi Allah, mengasihi jiran kita dan mengasihi diri sendiri, agar Yesus Kristus dapat kali kedua untuk membawa kita semua naik ke syurga dan mengkongsikan dalam kehidupan Tritunggal Mahakudus! Sukacita dan berkat Minggu Tritunggal kepada kamu semua dan sukacita dan berkat Pesta Hari Paroki kita kepada kamu semua! Amen!

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); Catholic Study Bible (CSB).